

keibubapaan.

Cara unik luah rasa cinta negara

Siapkan baju Jalur Gemilang untuk dua anak dengan jahitan tangan

Semangat patriotik bukan saja dizahirkan dengan rasa cinta terhadap negara, tetapi uniknya, diluahkan dalam versi berbeza.

Bagi ibu tiga anak, Siti Fatimah Abdul Ghani, sanggup menyiapkan baju Melayu dan baju kurung menggunakan jahitan tangan yang menggunakan kain bendera Jalur Gemilang bagi meniupkan semangat cintakan negara pada kedua-dua anaknya.

Puteri Nur Camellia Shahrizal, 11 dan Chairil Anwar Danish Shahrizal, 7, sendiri amat teruja apabila dapat memakai pakaian kebangsaan bagi mengingatkan mereka kepada Hari Kemerdekaan.

Siti Fatimah menghabiskan masa selama dua hari terutama selepas pulang bekerja semamata untuk menyiapkan sepasang baju kurung, tudung, baju Melayu lengkap bersongkok serta sampung untuk anaknya.

Beliau berkata, tiupan semangat cintakan negara diluahkan dengan kreativitiya menjahit sendiri busana Merdeka yang menggunakan kain bendera Malaysia dan diperincikan dengan aksesori seperti labuci dan manik pada fabrik.

"Saya bahagikan masa dan ketekunan sepanjang proses menyiapkan busana Merdeka untuk anak. Saya berbelanja RM150 untuk hasilkan kreativiti ini," katanya kepada Aura.

Hadiah untuk anak

Walaupun sibuk bekerja sebagai Ketua Seksyen Psikoterapi dan Intervensi Bahagian Kaunseling Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah tidak lelah menyediakan

busana istimewa untuk disarungkan anaknya, pada sambutan Hari Merdeka yang dianjurkan di sekolah, baru-baru ini.

"Untuk baju Melayu, saya gunakan bendera dan menampal hiasan bendera dan labuci. Saya juga padankan ia dengan sampung dan tengkolok umpama pahlawan kemerdekaan negara.

"Walaupun agak sedikit rumit kerana menggunakan fabrik bendera, saya lebih bersemangat apabila anak tidak sabar untuk memakainya," katanya.

Antara cabaran lain untuk menyiapkan busana Merdeka itu adalah apabila benang bersimpul kerana fabrik mudah rosak jika tidak kena cara jahitannya.

Malah beliau akui, tercucuk jarum ketika menyimpul benang dan proses menjahit adalah perkara biasa dilalui sepanjang menyiapkan baju istimewa itu.

"Saya gunakan tiga helai kain bendera untuk menyiapkan sepasang baju kurung dan dua bendera besar untuk baju Melayu," katanya.

Beliau berkata, ia hadiah paling bermakna untuk kemerdekaan kali ini apabila anak tidak putus-putus mengucapkan terima kasih atas kesungguhan ibu menyiapkan baju untuk mereka.

Legasi keluarga diteruskan

Beliau berkata, sebenarnya amalan menjahit baju khusus untuk Hari Kemerdekaan sudah diterapkan oleh ibunya sejak dari kecil.

Katanya, ketika membesar di Kampung Pasir Akar, Jerreh, Besut, Terengganu, ibunya

Lihat Ms. 83



Puteri Nur Camellia (kanan) dan Chairil Anwar Danish bangga memakai busana Merdeka hasil kreativiti ibu mereka.



Pelajar sekolah ceria dengan pakaian kemerdekaan masing-masing.

redaksi

PENGARANG BERSEKUTU

MINGGUAN/BH
Azhar Abu Samah
azhar@bh.com.my

PENGARANG WANITA
Jami'ah Sokri
jami@bh.com.my

PENGARANG HIBURAN
Shamsul Azree Samshir
shamsul@bh.com.my

PENGARANG BERITA
Zainuri Misfar
zainuri@bh.com.my

REKA BENTUK
Unit Grafik BH

PENGALAMAN
TEL: 1 300 22 6787

BERITA HARIAN
TEL: 1 300 22 6787

FAKS: 603 2056 7081

© 2017, semua hak cipta dikekalkan
oleh Media Sempadan Sdn Bhd.
Unit Grafik, 31, Jalan Klang, 58000,
Kuala Lumpur

Legasi keluarga

✦ Dari Ms.b2

Nah Daud, 73, pernah melakukan perkara sama.

Setiap kali Hari Kemerdekaan, ibu akan menjahit baju menggunakan jahitan tangan bertemakan kemerdekaan.

"Saya berusaha untuk meneruskan legasi keluarga ketika menyambut kemerdekaan.

"Setiap kali saya masuk pertandingan, ibu sentiasa menawarkan diri untuk mengikut tema terutama kemerdekaan. Ibu sanggup berjaga malam untuk memenuhi impian saya. Jadi, perkara itu menguatkan semangat saya untuk memberikan peluang sama kepada anak," katanya.

Pada masa sama, beliau menggalakkan ibu bapa mencipta memori indah dalam kehidupan bersama anak.

"Kenangan itu memberikan gerak rasa positif dan ekspresif tanpa tukar ganti.

"Sama seperti kemerdekaan ia meninggalkan memori yang mendalam pada rakyat negara ini.

Lantaran, anak perlu diberi memori indah sebagai pendedahan awal mengenai maksud kemerdekaan," katanya.

Pupuk cinta negara

Beliau berkata, nilai murni dan semangat patriotik kemerdekaan diterapkan ibu dan ayahnya dalam kaedah bersahaja dan spontan terutama ketika aktiviti peribualan keluarga berlangsung.

"Keluarga banyak menerapkan nilai murni dalam interaksi harian kami.

"Pembelajaran apa erti merdeka dilakukan dalam keadaan santai seperti ketika sedang makan, keluar berjalan dan berkebun. Saat itu, ibu akan kaitkan penceritaan dengan semangat perjuangan menuntut kemerdekaan.

"Ibu pula memang suka menceritakan erti kehidupan apabila negara merdeka, ketokohan dan menghadiri program kemasyarakatan," katanya.

Justeru, perkara sama dilakukan beliau kepada anaknya dengan penerapan semangat



Ibu bapa boleh memupuk semangat cintakan negara bangsa dan negara menerusi pemuafakatan dengan didikan sejak di rumah lagi. Jadi sifat ini akan diteruskan anak dengan masyarakat pula nanti"

Siti Fatimah Abdul Ghani, Ibu

patriotik, kepimpinan dan kebangsaan kepada anak supaya menjadi pedoman hidup di masa depan.

"Syukur, sama seperti saya, anak juga memberi perhatian dan seronok mendengar cerita berkenaan kemerdekaan.

"Ibu bapa boleh memupuk semangat cintakan negara bangsa dan negara menerusi pemuafakatan dengan didikan sejak di rumah lagi. Jadi sifat ini akan diteruskan anak dengan masyarakat pula nanti," katanya.

Beliau berkata, kesibukan ibu bapa bekerja bukan penghalang utama untuk menyerapkan semangat kemerdekaan kerana asas kukuh ketika kecil berupaya membawa kepada tiupan semangat jati diri positif sehingga dewasa.



Tiga helai bendera digunakan untuk menyiapkan sepasang baju kurung.



Dua buah bendera besar diperlukan untuk menghasilkan baju Melayu.



Puteri Nur Camellia pada acara sambutan bulan kemerdekaan di sekolahnya.